TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PMM DIIKTIRAF POLITEKNIK PALING LESTARI DI MALAYSIA, RANGKUL KEDUDUKAN KE-196 DUNIA

SUMBER : BERNAMA - 23 OKTOBER 2026

PMM Diiktiraf Politeknik Paling Lestari Di Malaysia, Rangkul Kedudukan Ke-196 Dunia

23/10/2026 06:44 PM



Foto: Politeknik Merlimau Melaka (PMM)

MELAKA, 23 Okt (Bernama) -- Politeknik Merlimau Melaka (PMM) diiktiraf sebagai "The Most Sustainable Polytechnic in Malaysia 2026" oleh UI GreenMetric selepas menduduki kedudukan ke-196 dunia dalam penarafan kelestarian UI GreenMetric 2026.

Pengiktirafan itu diterima bersempena dengan UI GreenMetric Global Sustainable Forum 2026 & Malaysia Ranking Award Ceremony yang berlangsung di Sunway University, Sunway Square, Selangor, semalam.

Pengarah PMM Dr Noriah Abdul Malek berkata pengiktirafan itu mencerminkan komitmen dan kerjasama seluruh warga institusi berkenaan dalam membudayakan amalan kelestarian di kampus.

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PMM DIIKTIRAF POLITEKNIK PALING LESTARI DI MALAYSIA, RANGKUL KEDUDUKAN KE-196 DUNIA

SUMBER : BERNAMA - 23 OKTOBER 2026

Beliau berkata pencapaian itu juga menjadi dorongan kepada PMM untuk meneruskan usaha memperluas amalan lestari, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menjadikan kelestarian sebahagian daripada kehidupan kampus.

"Pengiktirafan sebagai The Most Sustainable Polytechnic in Malaysia 2026 dan pencapaian di kedudukan ke-196 dunia merupakan satu kebanggaan buat seluruh warga PMM.

"Kejayaan ini bukan sekadar pengiktirafan terhadap usaha yang telah dilaksanakan, malah menjadi pemangkin untuk kita terus memperkukuh amalan lestari serta menyemai kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata PMM turut berhasrat merealisasikan persekitaran kampus yang pintar, selamat dan lestari menerusi usaha berterusan melibatkan seluruh warga institusi itu.

"Komitmen PMM terhadap kelestarian dilaksanakan menerusi pengurusan kampus hijau, kecekapan tenaga, pemeliharaan alam sekitar, pendidikan lestari serta pembudayaan amalan hijau dalam kalangan warga kampus dan komuniti.

"Pengiktirafan itu diharap dapat mendorong PMM meneruskan usaha dalam bidang kelestarian pada peringkat nasional dan antarabangsa, sekali gus memperkukuh peranan institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dalam menyokong pembangunan mampan," katanya.

-- BERNAMA